

# ‘Beri pandangan tingkat persekitaran ekonomi kondusif’

PM minta usahawan Cina tempatan, global main peranan tarik pelaburan ke Malaysia

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta komuniti usahawan Cina tempatan dan antarabangsa, memberi pandangan serta nasihat untuk meningkatkan lagi persekitaran ekonomi yang kondusif di Malaysia, dalam usaha menarik pelaburan dan memacu inovasi.

Perdana Menteri berkata, di bawah rangka kerja Ekonomi MADANI, beliau memberi jaminan yang pentadbiran kerajaan diketuainya akan memberi keutamaan kepada peningkatan landskap ekonomi dan bersedia membuat pengubahsuaian yang perlu kepada sistem serta dasar sedia ada.

“Kami membuat dasar, namun anda yang nasihatkan kami apa lagi yang perlu dilakukan untuk memupuk persekitaran yang kondusif bagi pelaburan dan inovasi.

“Kami di sini bukan untuk mengatakan yang sistem dan dasar sedia ada sempurna. Kami di sini untuk mentadbir dan belajar serta membuat pelarasan yang diperlukan kerana asasnya tetap adalah kemajuan ekonomi.

“Hanya melalui kejayaan eko-

nomi, anda boleh memastikan adanya perumahan, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur yang lebih baik untuk rakyat kita.

“Inilah yang dimaksudkan dengan keterangkuman, dasar yang bukan saja membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi tetapi yang jelas prihatin dan mementingkan kebajikan rakyat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Konvensyen Usahawan Cina Sedunia Ke-17 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Kabinet dan Presiden Gabungan Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM), yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WCEC Ke-17, Tan Sri Low Kian Chuan.

WCEC Ke-17 yang berlangsung selama tiga hari, bermula semalam, menghimpunkan lebih 4,000 usahawan tempatan dan luar negara.

Konvensyen anjuran ACCCIM dengan tema ‘Mengimajinasi Semua Masa Depan’ memberi tumpuan kepada langkah menangani trend dan isu global yang berterusan, termasuk anjakan struktur dalam politik, ekonomi dan kewangan global; teknologi yang mengganggu, kepelbagaian dan keterangkuman serta perubahan iklim.

## Peranan lebih besar

Anwar berkata, dalam ketidak-tentuan persekitaran dunia ketika ini, usahawan Cina di peringkat global boleh memainkan peranan lebih besar dalam menjaga kerjasama ekonomi serantau, memastikan keselamatan rantaian bekalan penting serta mempromosi agenda global pembangunan sosioekonomi

rantau ini.

“Dari Asia Tenggara ke Asia Timur, Amerika Syarikat (AS), Kanada, Eropah dan Afrika, usahawan Cina mempunyai kerjasama rapat dengan pihak lain serta meletakkan asas untuk menjalin hubungan perniagaan serta ekonomi yang lebih mendalam dan kukuh merentasi sempadan negara.

“Di Malaysia, kerajaan sentiasa mengiktiraf sumbangan masyarakat Cina negara ini dalam perkembangan sosioekonomi, ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan perindustrian,” katanya.

Menyentuh hubungan di antara Malaysia dan China, Perdana Menteri berkata, kedua-dua negara menikmati kerjasama dua hala yang sudah lama wujud, disokong perdagangan dan pelaburan yang kukuh, yang hampir mencecah AS\$100 bilion (RM436 bilion).

Beliau berkata, lawatan Perdana Menteri China, Li Qiang, pada Jun lalu mengukuhkan lagi persahabatan dan saling menghormati rasa saling menghormati yang berkekalan antara Malaysia dan China.

“Kita sama-sama menyaksikan upacara menandatangani pusingan kedua Program Lima Tahun untuk Kerjasama Ekonomi dan Perdagangan serta Memorandum Persefahaman (Mou) Mengenai Memperkukuh Kerjasama Pelaburan dalam Ekonomi Digital dan Pembangunan Hijau antara kerajaan Malaysia dan China.

“Kami meletakkan asas yang kukuh untuk meningkatkan kerjasama dalam sektor utama dan inovatif baharu yang akan memacu ekonomi kita ke hadapan,” katanya.